

Peniaga menang pertandingan memancing

Oleh NAZARUDIN SHAHARI
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 4 Dis. - Seorang peniaga dari Bandar Baru Nilai muncul juara Pertandingan Memancing Terbuka sempena Pesta Konvokesyen Ke-9 (C-Fest 9) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai dekat sini hari ini.

Karman Kamidi, 47, yang berasal dari Jawa Timur, Indonesia diisytiharkan menang selepas berjaya membawa naik ikan keli seberat 3.9 kilogram pada pertandingan di tasik universiti berkenaan.

Karman meraih hadiah wang tunai RM2,500 dan hamper.

Tempat kedua disandang oleh Sallehudin Md. Isa, 21, dari FELDA Palong 6, Jempol yang membawa naik ikan keli seberat 3.775 kilogram dan membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000 dan hamper.

Seorang pemandu lori, Albar Muhamad, 48, memenangi tempat ketiga dengan ikan keli seberat 3.770 kilogram.

Beliau yang tinggal di Sendayan dekat sini menerima hadiah wang tunai RM1,500 dan hamper.

Hadiah disampaikan oleh Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda.

Turut hadir pada majlis penyampaian hadiah itu ialah Pengurus Ka-



nan Pengedaran Utusan Melayu (M) Bhd., Hasmadi Hassan.

Lebih 300 peserta mengambil bahagian dalam pertandingan memancing itu yang bermula pukul 8 pagi hingga 12 tengah hari.

Selain pemenang utama, tempat keempat menerima hadiah wang tunai RM500 manakala tempat kelima hingga ke-20 menerima wang tunai RM150 dan tempat ke-21 hingga ke-40 menerima hamper.

C-Fest 9 yang berlangsung selama empat hari mulai 1 Disember lalu hingga hari ini telah dianjurkan oleh USIM dengan kerjasama Kumpulan Utusan Melayu (M) Berhad.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan sepanjang pesta tersebut seperti pameran kereta, karnival kerjaya, pertandingan nasyid terbuka, futsal, mewarna dan bola jaring.



KARMAN Kamidi (tengah) bergambar bersama Sallehudin Md. Isa (kanan) dan Albar Muhamad menunjukkan ikan keli masing-masing selepas majlis penyampaian hadiah Pertandingan Memancing Terbuka sempena Pesta Konvokesyen ke-9 (C-Fest 9) Universiti Sains Islam Malaysia di Nilai, semalam.



MUHAMAD Muda dan isteri Datin Norfilzah Hayati Ahmad melihat seekor ikan keli yang berjaya dinaikkan oleh peserta Pertandingan Memancing Terbuka sempena Pesta Konvokesyen ke-9 USIM di Nilai, semalam.